

Keselamatan – Tiada Tolak Ansur

Memastikan Kemudahan dan
Aktiviti Nuklear Malaysia Selamat

Safety – Uncompromised

Keeping Malaysia's Nuclear Activities and Facilities Safe





Kemudahan dan Aktiviti Nuklear Malaysia yang Selamat

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) telah mengawalselia sektor nuklear negara dan terus memperkukuhkan undang-undang tenaga atom, peraturan dan syarat-syarat perlesenan, dan juga memastikan pematuhan oleh pemegang-pemegang lesen. AELB menyelia penggunaan tenaga dan bahan-bahan nuklear untuk melindungi **kesihatan, keselamatan** dan **sekuriti** rakyat Malaysia dan **alam sekitar** negara serta membantu mengemudi pelaksanaan komitmen antarabangsa Malaysia mengenai **penggunaan tenaga nuklear untuk tujuan aman**. Sektor nuklear negara kita mempunyai rekod keselamatan yang cemerlang, dan kemudahan nuklear kita adalah antara yang paling selamat dan terjamin di rantau ini. Kejayaan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pegangan yang telah kami ambil iaitu **tidak bertolak ansur dalam soal keselamatan rakyat Malaysia dan negara** keseluruhannya. Kami juga sentiasa terus mendukung pernyataan Visi dan Misi kami:

Kenyataan Visi

Sentiasa relevan sebagai sebuah badan perundangan yang berwibawa dalam keselamatan, sinaran dan nuklear sekuriti dan serta kawalgunaan untuk secara aman bagi pembangunan mampan.

Kenyataan Misi

Menggalakkan budaya inovasi bagi memastikan penggunaan teknologi nuklear dan sinaran dengan aman dan selamat.



Keselamatan adalah Keutamaan Kami

Kami percaya ketelusan dalam menggunakan teknologi nuklear dan sinaran akan meningkatkan lagi keyakinan negara dan pihak antarabangsa di dalam keselamatan dan penggunaan secara aman dalam program nuklear kami. AELB berganding bahu dengan rangkaian organisasi antarabangsa seperti Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), Rangkaian Keselamatan Nuklear Asian (ANSN) dan rakan-rakan kerja global dari komuniti nuklear yang lain untuk memperkasakan lagi komitmen kami dalam menyumbang kepada **KEAMANAN DAN KESELAMATAN ANTARABANGSA**.





Kandungan

- Bertapak Kukuh di Seluruh Negara
- Sebuah Badan Penguatkuasa yang Berwibawa
- Lembaga AELB
- Pentadbiran AELB

4

SEKALUNG PENGHARGAAN

10

LAPORAN OPERASI

11

PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2011

44

KATA SINGKATAN


61




JABATAN AELB

Bertapak Kukuh Di Seluruh Negara

AELB adalah sebuah jabatan di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). AELB telah memainkan peranan yang penting dalam memelihara keselamatan dan sekuriti nuklear negara melalui penguatkuasaan, kawalgunaan dan kawalan yang efektif ke atas aktiviti tenaga atom negara. Lokasi-lokasi cawangan AELB yang berada di seluruh negara membantu peranan kami dalam memastikan SEKURITI dan KESELAMATAN nuklear negara. Ibu Pejabat AELB terletak di Dengkil, Selangor dan disokong empat Cawangan serta tujuh stesen pemantauan yang diletakkan di lokasi strategik di seluruh Malaysia. Keradioaktifan di dalam persekitaran dipantau dengan menggunakan Sistem Pemantauan Radiologi Persekitaran (ERMS). Untuk tujuan sekuriti nuklear negara, Portal Pemantauan Sinaran (RPM) dipasang dan diletakkan di pintu-pintu masuk negara untuk tujuan mengesan sinaran.



Purata Bacaan Bulanan ERMS di 7 Stesen bagi Tahun 2011



Ibu Pejabat

LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor

MALAYSIA

Tel: 603-8922 5888

Faks: 603-8922 3685

Laman web: www.aelb.gov.my

Pejabat Cawangan AELB

CAWANGAN UTARA (PULAU PINANG)

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Cawangan Zon Utara (Pulau Pinang)

No. 29, Lorong Perda Selatan 1

Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam

Pulau Pinang

Tel: 04-539 8391/539 0486

Faks: 04-537 6380

CAWANGAN SELATAN (JOHOR)

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Cawangan Zon Selatan (Johor)

No. 26, Jalan Sri Putra 1

Bandar Putra, 81000 Kulai

Johor

Tel: 07-663 2431/663 4300

Faks: 07-663 2409

CAWANGAN TIMUR (TERENGGANU)

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Cawangan Zon Pantai Timur (Terengganu)

Pt 6980, Bukit Kuang Business Centre

24000 Kemaman, Terengganu

Tel: 09-850 3362/60

Faks: 09-850 3361

CAWANGAN SABAH & SARAWAK

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Cawangan Zon Malaysia Timur

Sub Lot 13, Lots 2370 & 2371

Block 32, Kawasan Perindustrian Sibiyu

97000 Bintulu, Sarawak

Tel: 086-330 469/315 469/339 469

(Talian Terus ke Ketua Cawangan)

Faks: 086-332 469

Sebuah Badan Penguatkuasa Yang Berwibawa

AELB bekerjasama dengan pelbagai Kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan yang lain untuk memastikan bahawa aktiviti berkaitan nuklear serta bahan-bahan dan kemudahan nuklear digunakan secara selamat dan terjamin di Malaysia. AELB juga bekerjasama dengan organisasi kebangsaan dan antarabangsa, termasuk pelbagai badan penguatkuasa untuk memenuhi mandat yang telah diamanahkan.

Ditubuhkan pada 1 Februari 1985, AELB membolehkan Kerajaan Malaysia mengawal, memeriksa dan menguatkuasa aktiviti tenaga atom negara secara efektif dan berkesan. Aktiviti tersebut meningkat dengan pesat pada tahun-tahun selepas 1968 apabila Kerajaan meluluskan Akta Bahan-bahan Radioaktif 1968 untuk mengawal penggunaan bahan radioaktif terutamanya di dalam bidang perubatan. Pada bulan April 1984, Parlimen Malaysia telah meluluskan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

Pada peringkat awal Jabatan ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, dan di pertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi mengikut Seksyen 3 Akta 304. Pada 27 Oktober 1990, AELB telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri dan ditempatkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Kini, Akta 304 telah dinilai semula bagi memastikan kerelevanan dan keberkesannya berterusan dalam memenuhi keperluan semasa. Tahun 2011 menyaksikan AELB terus berkhidmat dengan cemerlang dalam melaksanakan fungsi, peranan dan komitmennya yang jelas, seperti berikut:

Fungsi

- ▶ Memberi nasihat kepada Menteri dan Kerajaan Malaysia atas perkara berkenaan dengan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 dan perkembangan berkaitan terutamanya mengenai implikasi perkembangan tersebut bagi Malaysia.
- ▶ Mengawal dan mengawasi pengeluaran dan penggunaan tenaga atom dan perkara yang berkaitan dengannya.
- ▶ Menubuh, menyenggara dan membangunkan kerjasama saintifik dan teknikal dengan mana-mana badan, institusi atau organisasi lain berhubungan dengan perkara bersangkutan dengan nuklear atau tenaga atom sebagaimana difikirkan sesuai oleh Lembaga bagi maksud-maksud yang terkandung dalam Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.
- ▶ Melaksana sepertimana diarahkan sedemikian oleh Kerajaan Malaysia, bagi memenuhi obligasi yang timbul daripada perjanjian, konvensyen atau triti berhubungan dengan perkara-perkara nuklear atau tenaga atom yang mana Malaysia menjadi satu pihak jika perjanjian, konvensyen atau triti itu ada hubungan dengan maksud-maksud yang terkandung dalam Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.
- ▶ Mengerjakan perkara lain yang timbul atau berbangkit daripada fungsi-fungsi Lembaga AELB di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 yang tidak berlawanan dengan maksud-maksud yang terkandung dalam Akta ini, sama ada diarahkan oleh Menteri atau tidak.

Peranan

- ▶ Memastikan keberkesanan fungsi penguatkuasaan AELB.
- ▶ Mencapai tahap keberkesanan dan ketelusan yang tinggi dalam operasi AELB.
- ▶ Menarik dan mengekalkan kakitangan cemerlang yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang diperlukan.
- ▶ Melaksanakan aktiviti AELB dengan tekun, termasuk seperti berikut:
 - Menyediakan peraturan, kod amali, standard, panduan dan nasihat.
 - Melesenkan penggunaan tenaga atom.
 - Melakukan pemeriksaan serta penguatkuasaan.
 - Menjalankan penyelidikan perundangan.
 - Melaksanakan kerjasama saintifik dan memenuhi obligasi di peringkat antarabangsa.
 - Menangani kecemasan nuklear dan radiologi.
 - Membangunkan budaya keselamatan.

Komitmen

- ▶ **Melindungi Sekuriti dan Keselamatan untuk Kesihatan dan Alam Sekitar**
 Dengan terbentuknya langkah-langkah dan keperluan peraturan SEKURITI berkaitan dengan bahan dan kemudahan nuklear, AELB dapat memastikan secara efektif bahawa semua pemegang lesen beroperasi secara selamat setiap masa agar dapat melindungi KESELAMATAN orang awam serta persekitaran. AELB juga memastikan peralatan sinaran bagi tujuan perubatan dan KESIHATAN sentiasa digunakan dalam keadaan yang selamat, dan dalam masa yang sama membantu melindungi ALAM SEKITAR melalui perundangan yang relevan berkaitan dengan bahan dan kemudahan nuklear.
- ▶ **Kawalgunaan Aktiviti Nuklear untuk Tujuan Aman**
 Dalam mengawalselia penggunaan tenaga dan teknologi nuklear untuk memastikan ianya hanya digunakan untuk tujuan aman semata-mata, sebarang rancangan jangka masa panjang Negara yang berkaitan dengan penggunaan tenaga nuklear dalam aktiviti aman yang lain akan sentiasa dipantau. AELB sentiasa memastikan komitmen dan sokongan negara terhadap Triti Ketakambahan (NPT) untuk Senjata Nuklear dan Perjanjian Kawalgunaan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), termasuk kawalan eksport bahan dan teknologi nuklear. Malaysia, melalui jabatan AELB juga merupakan ahli kepada kawalan import/eksport bagi bahan dan kemudahan nuklear melalui perundangan negara.



Lembaga AELB



Ahli-Ahli Lembaga



1 YBhg Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah
 Timbalan Ketua Pengarah (Perubatan),
 Kementerian Kesihatan Malaysia
 (16 Disember 2011 - 15 Disember 2014)

4 Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Nahrul Khair Alang Md Rashid
 Pensyarah UIA
 (14 November 2011 - 13 November 2014)

2 YBhg Datuk Dr. Daud bin Mohamad
 Ketua Pengarah
 Agensi Nuklear Malaysia MOSTI
 (13 Oktober 2008 - 17 Oktober 2011)

5 Y. Bhg. Datuk Ir. Ahmad Fauzi Hasan
 Ketua Pegawai Eksekutif
 Suruhanjaya Tenaga
 (2 Julai 2010 - 1 Julai 2013)

3 YBhg Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah binti Mohd. Yusoff
 Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI
 (1 Julai 2009 - 30 Jun 2012)




Pentadbiran AELB


Lembaga AELB sebagai Pihak Berkuasa Berkaitan di bawah Akta 304 bertanggungjawab memberi nasihat kepada Menteri dan kerajaan Malaysia mengenai perkara berkaitan dengan Akta 304, mengawal penggunaan tenaga atom, menubuhkan kerjasama saintifik berkaitan tenaga atom, dan melaksanakan obligasi yang timbul daripada perjanjian, konvensyen atau triti antarabangsa yang berkaitan dengan penggunaan tenaga atom secara aman. Keputusan berkaitan polisi, pengurusan kewangan dan strategi dibuat oleh Lembaga AELB dan diluluskan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Diterajui oleh Ketua Pengarah, Jabatan AELB menjalankan operasinya menerusi pelbagai bahagian dan cawangan yang mempunyai tanggungjawab khusus di dalam perlesenan, pemeriksaan serta penguatkuasaan. Ketua Pengarah AELB melaksanakan program dan aktiviti yang berkaitan dengan perundangan Jabatan dan melaporkan kepada Ketua Setiausaha MOSTI.

Carta Organisasi



Sekalung Penghargaan



AELB sangat menghargai sepenuhnya sokongan padu yang berterusan dari Kerajaan Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), lain-lain Kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan, rakan-rakan sejawat antarabangsa dan industri.

Pihak pengurusan AELB ingin merakamkan penghargaan kepada semua kakitangan Jabatan AELB di atas komitmen dan dedikasi mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi serta membantu AELB mencapai matlamat yang membolehkan jabatan ini terus memikul tanggungjawab dan kekal sebagai satu badan penguatkuasa yang relevan, berkesan dan berwibawa.

Terima kasih di atas sokongan anda.

Laporan Operasi

Tahun 2011 menyaksikan AELB melalui fasa yang amat mencabar. Sejurus daripada kejadian gempa bumi dan tsunami besar yang melanda Jepun pada Mac 2011 dan telah mengakibatkan bencana kebocoran nuklear di Fukushima Daiichi, AELB telah dihujani dengan banyak persoalan daripada orang awam yang bimbang tentang keselamatan mereka dan kemungkinan berlakunya pencemaran radioaktif pada persekitaran.

Menerusi AELB, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menggerakkan pasukan tindak balas kecemasan dan disokong oleh Agensi Nuklear Malaysia untuk menangani kebimbangan orang awam dan meningkatkan keyakinan mereka bahawa Kerajaan mengambil pendekatan yang sewajarnya untuk melindungi keselamatan orang awam. AELB telah menghantar beberapa pasukan ke beberapa lapangan terbang di seluruh negara untuk membantu dalam mengesan pencemaran terhadap penumpang dan barangan yang masuk ke dalam Malaysia. Aktiviti pengesanan pencemaran sinaran di lapangan terbang telah meningkatkan lagi tahap kesedaran awam di kalangan orang awam tentang peranan AELB di dalam memastikan keselamatan sinaran.

Kebimbangan orang awam juga telah dapat ditangani dengan kehadiran pegawai AELB untuk mengesan sinaran di pintu-pintu masuk negara. Pusat pengesanan sinaran juga telah dibuka di Ibu Pejabat AELB di Dengkil. Sistem Pemantauan Radiologi Persekitaran (ERMS) telah digunakan untuk memantau tahap sinaran alam sekitar di seluruh negara untuk membantu meredakan khabar angin yang mengatakan awan yang tercemar oleh radioaktif dari Jepun sedang bergerak menuju ke Malaysia. Pegawai dari Pasukan Bertindak Kecemasan telah bertugas di stesen pemantauan 24 jam/7 hari seminggu untuk memberi maklum balas harian secara berterusan kepada orang awam.

Siaran Akhbar turut dikeluarkan untuk memaklumkan kepada orang awam tentang tahap dedahan sinaran di Malaysia. Atas cadangan AELB, Kerajaan

Malaysia telah menghantar sekumpulan pegawai dari AELB dan Agensi Nuklear Malaysia ke Jepun untuk menentukan keperluan membawa balik rakyat Malaysia dari Jepun. Setelah membuat penilaian teliti dan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawat Jepun dan badan-badan yang berkenaan, telah diputuskan bahawa pemindahan pulang-rakyat Malaysia adalah tidak perlu. Insiden bencana nuklear Fukushima Daiichi telah meningkatkan tahap kesedaran di kalangan orang awam tentang peranan, fungsi dan aktiviti yang dijalankan oleh AELB.

Satu lagi isu negara yang menarik perhatian orang awam adalah berkenaan pembinaan kilang nadir bumi Lynas di tapak perindustrian Gebeng berdekatan Kuantan. Perhatian orang awam sekali lagi tertumpu kepada projek kilang ini kerana tersebarannya khabar angin dan pertuduhan tidak berasas yang menyatakan bahawa kilang tersebut mengeluarkan risiko sinaran yang boleh membahayakan kesihatan orang awam dan persekitaran oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. AELB telah menganjurkan taklimat di Kuantan untuk menangani persepsi ini dan meredakan kebimbangan serta kerisauan orang awam. AELB juga telah membuka satu pejabat sementara di kawasan tapak projek Lynas untuk memudahkan proses pemantauan aktiviti kilang Lynas.

AELB tidak akan bertolak ansur dalam isu keselamatan orang awam dan persekitaran. Permohonan awal Lynas Malaysia telah ditolak kerana tidak memenuhi beberapa syarat-syarat perundangan yang dinyatakan. Walau bagaimanapun permohonan Lynas telah diluluskan setelah Lynas memenuhi syarat-syarat tambahan yang ketat. AELB bertindak secara bebas dan berkecuali tanpa campur tangan dari mana-mana pihak, termasuk Kerajaan. Taraf professional AELB dapat dibuktikan dengan komposisi ahli Lembaga, yang mana tidak seorang pun dari ahlinya mempunyai konflik kepentingan yang boleh menjejaskan kewibawaan Jabatan, terutamanya dari segi hal pemberian kelulusan lesen dan keseluruhan prosedur pelaksanaan perkhidmatan dan dalam

membuat cadangan dan keputusan. Pengeluaran dan kelulusan lesen, termasuk kepada Lynas Malaysia, dibuat melalui penglibatan pelbagai agensi dan berdasarkan pada penilaian saintifik dan teknikal khususnya yang berhubung dengan keselamatan. Penilaian ini mengambil kira keperluan perundangan yang berkenaan, termasuk standard dan amalan antarabangsa.

Berikut adalah lain-lain perkara penting dalam operasi AELB pada tahun 2011:

Draf Bil Akta Tenaga Atom 201_

AELB terlibat dalam penyediaan draf bil Akta baru untuk menggantikan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 yang ada sekarang. Pendrafan Akta baru ini sedang dibuat oleh seorang perunding antarabangsa yang bertugas di bawah arahan *Malaysia Nuclear Power Corporation* (MNPC).

Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Pengurusan Sisa Radioaktif) 2011

Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Pengurusan Sisa Radioaktif) 2011 telah diwartakan pada 16 Ogos 2011. Peraturan ini dikenakan terhadap semua aspek sisa radioaktif dan pengurusannya yang merangkumi pelbagai bidang dari perubatan, penyelidikan dan industri ke lain-lain kegunaan yang ditentukan oleh Lembaga AELB.

Pelaksanaan Akta Perdagangan Strategik 2010 (Akta 708)

Diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada tahun lepas, Akta Perdagangan Strategik memperuntukkan kawalan ke atas eksport, pemindahan ke kapal, transit, pembrokeran barangan strategik termasuk senjata dan bahan-bahan berkenaan dan lain-lain aktiviti yang mungkin membantu pengeluaran dan penghantaran senjata pemusnah massal. Ia juga memberi peruntukan kepada lain-lain hal yang berkaitan, selaras dengan sekuriti negara dan obligasi antarabangsa. Di bawah Akta ini, AELB telah dilantik sebagai penguatkuasa untuk mengeluarkan permit untuk barangan di bawah kategori 0, iaitu bahan-bahan, kemudahan dan

peralatan nuklear, berkuatkuasa dari 1 Januari 2011. Para pegawai AELB juga diberi kuasa di bawah Seksyen 2 Akta 708 untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan seperti yang ditetapkan dalam Akta ini.

Untuk memastikan pelaksanaan Akta 708, AELB telah menjalankan beberapa program seperti berikut:

- ▶ **Pembangunan Sistem ePermit di bawah Akta 708:** Semua permohonan permit dibuat atas talian *online* bermula pada 1 April 2011. Ini adalah sebahagian dari usaha memodenkan proses kerja kami yang meliputi permohonan lesen, kelulusan, pindaan dan pembaharuan. Pemegang-pemegang lesen sendiri juga telah melalui perubahan dan menerima khidmat atas talian *online* yang telah memudahkan proses pengeluaran lesen. AELB akan terus menilai sistem ePermit ini demi meningkatkan mutunya.
- ▶ **Perbincangan dua hala antara AELB dan Department of Energy (DoE) Amerika Syarikat:** Perbincangan dua hala mengenai pelaksanaan Akta 708 telah diadakan pada 25 Januari 2011. Perbincangan ini menyentuh pelaksanaan Akta secara keseluruhan, termasuk cadangan melaksanakan program kesedaran bersama, latihan pembangunan keupayaan dan pembangunan panduan dan prosedur yang berkenaan.
- ▶ **Bengkel tentang End Use – End User Licensing Analysis (EUEU) under Strategic Trade Act 2010 (Act 708):** Diadakan dari 25-27 Januari 2012, bengkel ini bertujuan melatih pekerja cara memproses permohonan eksport, transit dan pemindahan barangan strategik ke kapal.

Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008

Pada 1 Julai 2011, AELB telah menerima pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 dari SIRIM. Pengiktirafan ini ialah untuk perlesenan atas talian (*online*) dan sistem penguatkuasaan AELB yang dianugerahkan tanpa syarat dan sah selama satu tahun. Ini adalah satu kejayaan besar bagi AELB pada tahun 2011.

Perlantikan sebagai Pengerusi Nuclear Security Advisory Group IAEA

Pada tahun 2011, Ketua Pengarah AELB telah dilantik menjadi pengerusi *Nuclear Security Advisory Group* IAEA yang merupakan badan penguatkuasa tertinggi dalam standard keselamatan nuklear antarabangsa. Perlantikan ini yang berdasarkan kepakaran individu juga dianggap sebagai satu pengiktirafan terhadap kepakaran yang terdapat di Jabatan AELB.

Sumbangan kepada Ekonomi Negara

AELB terus menyumbang kepada ekonomi negara melalui pengeluaran lesen dan memudahkan kegunaan aman sumber dan teknologi nuklear dan tenaga atom. Pada tahun 2011, jumlah keseluruhan permohonan lesen, pengeluaran kelulusan, pengiktirafan Pegawai Perlindungan Sinaran (RPO) dan pendaftaran pekerja mencecah 8,485, di mana 6,678 atau 78.7% merupakan pengeluaran kelulusan, yang mana memperlihatkan kemajuan yang dicapai oleh industri nuklear dan tenaga atom Malaysia.

Usahasama Antarabangsa dan Tempatan

Usahasama dengan pihak luar di dalam dan luar negara membantu pertukaran pengetahuan dan kepakaran untuk membangunkan keupayaan program nuklear sejajar dengan standard dan amalan antarabangsa. Usahasama ini sangat penting dalam usaha Malaysia untuk membangunkan Loji Kuasa Nuklear (NPP) sendiri. Pada tahun 2011, AELB telah bekerjasama dengan banyak pihak yang relevan, terutamanya IAEA dan ramai lagi, termasuklah yang berikut:

- ▶ **Lawatan DoE Amerika Syarikat di bawah Global Threat Reduction Initiatives (GTRI)** Lima pakar DoE Amerika Syarikat yang terlibat dalam program GTRI telah melawat Malaysia dari 17-21 Januari 2011. Tujuan lawatan ialah untuk mengesah dan menilai peralatan sekuriti di bawah program GTRI yang telah dipasang di beberapa tempat. Antara tempat yang telah dilesenkan oleh AELB untuk pemasangan peralatan sekuriti dan yang telah dilawati oleh pakar DoE Amerika Syarikat ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ansell Malaysia dan Isotron (M) Sdn Bhd. Pakar-pakar ini juga telah melawat tempat-tempat di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia.
- ▶ **Kerjasama dua Hala antara AELB dan National Nuclear Security Administration (NNSA)/DoE Amerika Syarikat** Selepas pertukaran surat hasrat (LoI) yang ditandatangani pada 25 Mac 2010 antara AELB dan NNSA/DoE Amerika Syarikat berkenaan kerjasama dua hala dalam bidang sinaran dan keselamatan dan sekuriti teknologi nuklear, beberapa perbincangan teknikal telah diadakan dalam tahun 2011. Perbincangan teknikal *State System of Accounting for and Control of Nuclear Material (SSAC) and Regulatory Development* telah diadakan dari 2-4 Mac 2011. Perbincangan ini bertujuan membuat penilaian bersama draf dokumen latihan untuk pindaan Akta 304, Akta Atom (Sekuriti) Peraturan 201_ dan Akta Atom (Pengawasan/*Non Proliferation*) Peraturan 201_.





Program latihan IAEA Norwegian - Capacity Building in Safety Assessment of Nuclear Power Plant.

Perbincangan ini juga menyemak skop kerjasama antara Jabatan AELB dan NNSA/DoE Amerika Syarikat, dan merangkumi SSAC, pembangunan modal insan dan kerjasama dalam membangunkan makmal kawalan.

Memorandum Persefahaman (MoU) antara AELB dan Japan Nuclear Energy Safety Organization (JNES)

Sempena dengan *Technical Support Organisation (TSO) Conference* bermula dari 1-5 November, 2010 di Jepun, AELB dan JNES telah membincangkan kemungkinan menandatangani kerjasama antara kedua pihak. Kedua-dua pihak sedang dalam proses mengenalpasti skop MoU ini sebelum menyiapkannya.

Lawatan Agensi Luar Negara ke AELB

AELB telah menjadi tuan rumah kepada lawatan delegasi agensi asing yang mahu menjalinkan hubungan dengan jabatan. Di antara agensi tersebut ialah:

- Tokyo Electric Power Services Co. (TEPCO)

Lawatan TEPCO, Japan pada 10 Januari 2011 dibuat oleh kerana agensi itu ingin mengetahui tentang program tenaga nuklear Malaysia dan ingin berkongsi pengalaman mereka di bidang nuklear.

- **IAEA Extra Budgetary Programme (EBP) tajaan Norway**
AELB menerima kunjungan pakar IAEA dari 13-14 Januari 2011 di bawah *Pilot Programme on Strengthening of Nuclear Safety Assessment Competence through the Global Safety Assessment Network (G-SAN)*. Melalui rangka kerja G-SAN, pihak EBP IAEA yang dibiayai oleh Norway ini akan:

- Menyokong negara-negara yang akan membangunkan program tenaga nuklear dari segi penilaian keperluan keselamatan nuklear.
- Menyokong negara ahli dalam membangunkan keupayaan penilaian keselamatan dan pengurusan maklumat.
- Memperkukuhkan perkongsian maklumat dan pengalaman tentang penilaian keselamatan.

- Kerjasama dengan Republik Slovakia

Lawatan ke Malaysia oleh Duta Republik Slovakia, Yang Berhormat En. Milan Lajciak pada 14 Februari 2011 dibuat untuk membincangkan kemungkinan menjalinkan kerjasama di antara Republik Slovakia dan Malaysia. Skop kerjasama telah dikenalpasti seperti berikut:

- Penilaian pemilihan tapak untuk perlesenan NPP.
- Program keyakinan awam.
- Pembangunan kepakaran melalui program penempatan pakar.
- Perkhidmatan pakar.
- Penempatan/pertukaran pegawai.
- Program pasca-siswazah dalam bidang kejuruteraan nuklear di Slovak University melalui cadangan akreditasi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

- **Japan Atomic Industrial Forum (JAIF)**
Lawatan oleh JAIF pada 25 Februari 2011 membincangkan kemungkinan menjalin kerjasama dalam membangunkan aktiviti-aktiviti nuklear di antara JAIF dan AELB.
- **Japan Atomic Energy Agency (JAEA)**
Lawatan oleh JAEA pada 7 Mac 2011 telah dibuat untuk membantu AELB dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia Nuklear.

Latihan Anjuran AELB dengan Kerjasama Agensi Antarabangsa

International Radiological Assistance Training Programme for Emergency Responders (IRAPTER), 21-24 Februari 2011

Diadakan di Ibu Pejabat AELB dari 21-24 Februari 2011, dengan kerjasama NNSA/DoE Amerika Syarikat, IRAPTER bertujuan memberi latihan dan pendedahan tentang teknik mengesan bahan nuklear dan radioaktif dan cara untuk menyelaraskan tindakan-tindakan yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasa di Malaysia bertujuan mengesan bahan nuklear dan radioaktif di luar bidang kuasa. Ini sejajar dengan peranan AELB di bawah Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara di mana AELB telah disebut sebagai badan yang bertanggungjawab ke atas kecemasan radiologi.

Bengkel Persediaan dan Tindakan Kecemasan Radiologi, 14-18 Mac 2011

Workshop on Radiological Emergency Preparedness and Response dianjurkan oleh AELB dengan kerjasama *Australia Nuclear Science & Technology Organization (ANSTO)*.

Bengkel Serantau tentang Sistem Pengawasan Nasional untuk Keselamatan, Sekuriti dan Kawalseliaan Nuklear

IAEA Workshop on National Regulatory System for Nuclear Safety, Security and Safeguards dianjurkan

oleh AELB dari 28 November – 2 Disember 2011. Berlangsung di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur, ia diadakan bersempena dengan Program Tahun Promosi Sains dan Matematik 2011 di bawah kelolaan MOSTI. Seramai 26 peserta antarabangsa dan 10 peserta tempatan telah menyertai bengkel ini.

Kursus Latihan Serantau (RTC) tentang Keselamatan dalam Pengangkutan Bahan-bahan Radioaktif

Kursus yang diadakan dari 4-8 Julai 2011 di Hotel Royale Bintang, Kuala Lumpur telah dianjurkan oleh AELB dengan kerjasama IAEA.

RTC tentang Komunikasi Awam

Kursus yang diadakan dari 11-15 Julai 2011 di Hotel Royale Bintang, Kuala Lumpur ini adalah anjuran AELB dengan kerjasama IAEA.

Penempatan Pegawai Kontrak dari Korea Institute of Nuclear Safety (KINS) sebagai Sebahagian dari Pelaksanaan Perjanjian antara AELB dan KINS

Seorang pegawai dari KINS Dr. Young Joon Choi, pemegang PhD Kejuruteraan Nuklear dari KAIST (*Korea Advanced Institute of Science and Technology*) telah memulakan tugas sebagai Pegawai Kontrak Gred C48 di Bahagian Installasi Nuklear, AELB selama tiga bulan bermula 1 Ogos – 30 Oktober 2011.

Pembangunan Modal Insan

AELB terus membangunkan kecekapan pekerja menerusi pelbagai program latihan, kursus, seminar, bengkel, taklimat, ceramah, lawatan pakar dan perbincangan di peringkat antarabangsa dan tempatan. Para pekerja digalakkan melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran (PhD) di dalam dan di luar negara. Pelbagai aktiviti pembangunan insan dijalankan untuk membolehkan pekerja mendapat pendedahan, pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan.

Isu Dan Cabaran Masa Hadapan

Bencana nuklear di Fukushima Daiichi dan isu berkaitan projek Lynas telah membuka peluang kepada jabatan AELB untuk menjadi lebih telus dan terbuka dalam semua aktiviti serta sentiasa bersedia untuk memberi maklumat yang perlu diketahui oleh orang awam. Oleh itu, kami telah membentuk Jawatankuasa Perundingan Awam untuk mengendalikan semua komen awam dan membuat cadangan berdasarkan komen yang diterima untuk perhatian pihak Lembaga AELB.

Peristiwa-peristiwa ini telah menyedarkan badan penguatkuasa untuk menyediakan kakitangan professional yang berkemahiran tinggi serta kompeten. Cabaran yang dihadapi dalam menangani kebimbangan orang awam serta pihak yang berkepentingan telah menjadi pengalaman yang sangat berharga dan ini dapat membantu kami untuk bersiap-sedia dalam menghadapi cabaran di masa hadapan selaras dengan matlamat program Transformasi Kerajaan Malaysia.

Masa hadapan industri tenaga atom Negara menunjukkan perkembangan yang positif memandangkan jumlah permohonan lesen telah meningkat dengan kadar yang sihat pada tahun lepas. Begitu juga dengan pembangunan sains nuklear dan teknologi yang berkembang pesat dalam pelbagai sektor ekonomi termasuk pertanian dan kesihatan.

Sedang Negara bergerak maju dalam usaha menjadi sebuah negara industri, dijangkakan teknologi baru akan sentiasa muncul termasuk teknologi yang mampu membawa risiko radiologi sekiranya tidak dipantau dan dikawalselia dari segi aspek sekuriti, keselamatan dan kawalgunaan. Bagi memastikan tahap kompetensi yang tinggi, penguatkuasaan yang efektif dan kesediaan dalam menghadapi sebarang insiden, AELB akan memastikan orang awam serta alam sekitar sentiasa dilindungi dan selamat dari sebarang pencemaran radiologi.

Malaysia mempunyai rekod keselamatan sinaran yang sangat baik sejak lebih dari 30 tahun dahulu. Setakat ini, tiada lagi kes yang melibatkan kemalangan nuklear di Malaysia atau kes penyalahgunaan bahan nuklear oleh pihak yang tidak berkenaan dilaporkan berlaku melainkan kes ringan yang tidak meninggalkan sebarang kesan radiologi. Ini mengesahkan sistem perundangan yang sedia ada adalah berkesan dan penguatkuasaan peraturan serta perundangan yang dilaksanakan adalah sangat tegas.

Pelan Strategik Untuk Tahun 2011 – 2015

Misi Nasional merangkumi tempoh 2011-2015 dan Rancangan Malaysia ke-10 (2011-2015) menyediakan konteks yang diperlukan bagi merangka teras strategik dan pelan tindakan AELB. Dalam konteks agenda pembangunan nasional dan untuk memastikan bahawa AELB memenuhi keperluan Kerajaan dan negara, lima Bidang Hasil Utama (KRA) telah dikenalpasti:



Bengkel 'Orphan Source Search Kuala Lumpur'.



Para peserta membuat praktikal untuk bengkel 'Orphan Source Search Kuala Lumpur'.

- Infrastruktur pentadbiran dan perundangan untuk sinaran dan keselamatan, sekuriti dan kawalgunaan nuklear.
- Kawalan dan penyeliaan.
- Kerjasama nasional dan antarabangsa.
- Modal insan.
- Pengurusan pengetahuan.

Teras strategik (ST) yang telah dikenalpasti di bawah Pelan Strategik untuk tahun 2011-2015 ialah:

ST1: Pengukuhan terhadap rangka kerja kawalan perundangan yang berkesan untuk sinaran dan keselamatan, sekuriti dan kawalgunaan nuklear, termasuk sebuah badan penguatkuasa yang bebas dan berkecuali.

Pelan tindakan termasuk:

- Pembangunan dokumen-dokumen panduan baru:
 - Panduan permohonan lesen berkaitan dengan Pusat Pengurusan Sisa Radioaktif Nasional.
 - Senarai rujukan berkaitan dengan kemudahan nasional untuk menghapuskan sisa radioaktif.
 - Panduan perantaraan tugas dan tanggungjawab berkenaan dengan Penasihat Perlindungan Sinaran (RPA).
 - Panduan permohonan lesen berkaitan dengan makmal kalibrasi.
- Pelaksanaan peraturan perlesenan instalasi nuklear.



Pakar LAEA dan Risk Spectrum.

- Pendrafan dan penyerahan standard penerimaan dan pengesahan kod atau standard untuk reka bentuk dan pembinaan NPP.
- Pelaksanaan penuh Akta-akta baru termasuk Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304)/ Bil Akta Atom 201_, Perlesenan Tenaga Atom (Pengurusan Sisa Radioaktif) Peraturan 201_ dan Perlesenan Tenaga Atom (Pengangkutan) Peraturan 201_, kesemuanya akan siap pada tahun 2015.

ST2: Kerjasama yang berkesan dan penyertaan cergas di peringkat nasional dan antarabangsa dalam isu teknikal dan polisi sinaran dan keselamatan, sekuriti dan kawalgunaan nuklear.

Pelan tindakan termasuk:

- Mengadakan program kesedaran keselamatan untuk pemegang lesen, pekerja sinaran dan komuniti.
- Memperkukuhkan infrastruktur keselamatan, sekuriti dan kawalgunaan melalui pengurusan yang berkesan dan pelaksanaan EBP untuk keselamatan nuklear.
- Meningkatkan lagi program kesedaran awam.
- Menjalankan penyelidikan biosimetri.
- Menandatangani surat hasrat (LoI) dengan NNSA/DoA.

ST3: Pengukuhan mekanisme penyeliaan terhadap pematuhan pemegang lesen kepada syarat-syarat kawalseliaan dan kepuasan pelanggan demi menyokong pertumbuhan ekonomi nasional.

Pelan tindakan termasuk:

- Memproses permohonan atas talian (*online*) dan menyemak dokumen-dokumen sokongan yang diserahkan oleh pemohon, menjalankan kajian selidik kepuasan pelanggan, membangunkan Piagam Pelanggan yang baru untuk proses permohonan lesen untuk tujuan penyelidikan reaktor nuklear. (Catatan: Piagam Pelanggan untuk permohonan lesen telah digunakan) dan menjalankan penyelidikan kawalselia dengan tujuan berikut:

- Penentuan pembuangan sisa radioaktif nasional (EIA/RIA untuk kajian NORM dan TENORM).
- Kajian tentang arang batu dan komposisi radiologi produk berkaitan.
- Kajian tentang produk konsumer.
- Menjalankan pemeriksaan yang kerap ke atas kemudahan reaktor penyelidikan untuk memastikan pematuhan kemudahan reaktor penyelidikan kepada pelaksanaan syarat perlesenan.
- Melaksanakan program perlindungan sinaran dan menjalankan pengambilan sampel alam sekitar untuk pemantauan radiologi.
- Membina garis panduan dan prosedur Akta 708 dan Akta 304.

ST4: Pengukuhan perancangan yang berkesan berkenaan persediaan dan tindakan kecemasan untuk sinaran dan peristiwa dan kemalangan nuklear.

Pelan tindakan termasuk:

- Memastikan pemantauan dan peralatan makmal ada tersedia pada masa yang diperlukan.
- Meluluskan dokumen-dokumen yang relevan melalui audit forum.

ST5: Membangunkan keupayaan dan kebolehan infrastruktur kawalselia sinaran dan nuklear dan modal insan.

Pelan tindakan termasuk:

- Memastikan pelaksanaan licin sistem permohonan atas talian (*online*).
- Menghadiri kursus teknikal dan bukan teknikal di peringkat nasional dan antarabangsa.
- Membangunkan makmal NDA.
- Menyiapkan latihan berkomputer kecekapan mampan pegawai.

ST6: Perlindungan dan jaminan hak tetap untuk membangunkan teknologi nuklear secara selamat dan terkawal untuk tujuan aman di Malaysia dan memupuk keyakinan awam terhadap kegunaan aman sinaran dan teknologi nuklear.



Kursus MEST (Mobile Expert Support Team) Train for Trainers dengan kerjasama pihak KASTAM DiRaja Malaysia.



Kakitangan AELB sebagai MEST dengan peralatan pengesanan Identifinder berbincang dengan pihak KASTAM (FLO-Front Line Officer).

Pelan tindakan termasuk:

- Memperuntukkan/menarik balik pemeriksa kawalselia IAEA melalui penilaian kecekapan.
- Menubuhkan Sistem Pemantauan Radialogi Nasional untuk membantu lain-lain agensi penguatkuasa dalam mengesan tahap pencemaran dan pengedaran haram bahan nuklear dan radioaktif demi keselamatan nasional.
- Mengesahkan protokol tambahan terhadap perjanjian kawalselia menyeluruh dengan IAEA.

AELB akan senantiasa menyemak pelan tindakan dan mempertingkatkan tahap proses kerja supaya kami kekal sebagai sebuah badan penguatkuasa yang sangat

berkesan. Setiap bahagian di AELB akan menerajui pelaksanaan pelan tindakan bahagian masing-masing seperti yang digariskan di bawah Pelan Tindakan lima tahun (2011-2015). Kami juga akan terus mendukung standard dan memenuhi obligasi antarabangsa untuk memastikan keselamatan dan sekuriti negara.

Dikeluarkan oleh
Pejabat Setiausaha Eksekutif AELB



SAFETY – UNCOMPROMISED

Keeping Malaysia's Nuclear Activities and Facilities Safe

annual report **2011**



Safe Malaysian Nuclear Activities and Facilities

The Atomic Energy Licensing Board (AELB) has been regulating Malaysia's peaceful uses of atomic and nuclear technology in many fields such as medical, security screening, agriculture and food, industrial applications, environmental protection, radioactive waste management and scientific research since its establishment 26 years ago. In carrying out its mandate to oversee the safe and secure use of these applications, in concomitance with national laws and international safety standards as well as the country's international obligations, the AELB is ensuring that the public and the environment are protected from undue radiation risks.

Even though Malaysia's nuclear safety record has been excellent and our nuclear facilities among the safest and most secure in the region, thanks to our non-compromising position with regard the upholding of safety principles, we will not fall into complacency. We believe in the continuous strengthening of our atomic energy laws, regulations and licensing requirements and in this regard, continue to hold strongly onto our Vision and Mission.

Vision Statement

Remaining a relevant regulatory authority with credibility in radiation and nuclear safety, security and safeguarding its peaceful uses for national sustainable development.

Mission Statement

Encouraging innovation culture to ensure the safe and peaceful uses of radiation and nuclear technology.



Safety is Our Priority

